

Bijak urus, manfaat pengeluaran khas KWSP

Oleh [Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid](#) dan [Dr Mohd Hafiz Zulfakar](#) - April 14, 2022 @ 10:45am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

SAMBUTAN Aidilfitri pastinya kembali meriah selepas dua tahun dirai secara sederhana akibat gelombang penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kehidupan masyarakat hampir kembali normal dalam fasa peralihan ke endemik mengembalikan semula kerancakan dan kemeriahan masyarakat membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Pembukaan semula sempadan negara dan pemansuhan sekatan perjalanan rentas negeri memberi peluang kepada masyarakat khususnya umat Islam pulang beraya bersama ahli keluarga.

Ini ditambah kebenaran pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada penjawat awam serta pesara kerajaan dijangka menambah kegembiraan masyarakat membuat persiapan.

Namun, ia bukan bererti masyarakat harus membelanjakan semua wang yang ada, sebaliknya perancangan awal dan rapi harus dibuat bagi mengelak timbul masalah kewangan selepas hari raya.

Justeru, dengan sumber kewangan yang ada dan terhad serta keadaan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya, perancangan dan persediaan untuk menghadapi hari mendatang perlu diutamakan.

Kegagalan membuat perancangan ketika berbelanja pada musim perayaan menyebabkan berlaku perbelanjaan melebihi tahap kemampuan.

Situasi ini amat membimbangkan kerana sering kali mendatangkan tekanan dalam kalangan masyarakat selepas musim perayaan akibat berdepan masalah kewangan.

Justeru, rakyat perlu merancang perbelanjaan dengan menyenaraikan setiap barang yang hendak dibeli, bersesuaian dengan bajet dan sumber kewangan yang ada.

Waktu ini, orang ramai perlu berbelanja mengikut keperluan dan bukan menuruti semua keinginan. Ungkapan 'raya hanya setahun sekali' sering menjerat masyarakat untuk berbelanja.

Selain itu, penggunaan kad kredit ketika berbelanja juga perlu dihadkan bagi memastikan jumlah perbelanjaan tidak melebihi kemampuan diri bagi mengelak dibelenggu hutang.

Paling utama, pembayaran segala pinjaman seperti pinjaman peribadi, kenderaan, perumahan dan segala bil utiliti perlu langsikan mengikut waktu ditetapkan bagi mengelak berdepan beban hutang berganda.

Paling utama, pembayaran segala pinjaman seperti pinjaman peribadi, kenderaan, perumahan dan segala bil utiliti perlu langsaikan mengikut waktu ditetapkan bagi mengelak berdepan beban hutang berganda.

Pembelian secara dalam talian yang sudah menjadi trend ketika ini juga wajar dikawal bagi mengelak pembaziran atau terlebih berbelanja.

Masyarakat juga perlu bijak berbelanja seperti tidak terpengaruh dengan promosi jualan murah, diskau potongan harga dan harga runtuh yang sering ditawarkan menjelang perayaan.

Dalam hal ini, masyarakat perlu mempertimbangkan dulu harga dan kualiti barang sebelum membuat pembelian.

Perlu disedari, amalan membuat perbandingan harga dan membeli barang berkualiti mampu mengurangkan perbelanjaan pada masa hadapan.

Trend menukar perabot dan kereta baharu setiap kali tiba musim perayaan juga harus dielakkan kerana yang penting adalah masyarakat perlu menyediakan simpanan dana kecemasan sebagai persediaan jika berlaku perkara luar jangka ketika dan selepas musim perayaan.

Dalam fasa peralihan ke endemik ini dan ketika kedudukan ekonomi belum pulih sepenuhnya, masyarakat perlu terus mengamalkan sikap bersederhana dan berjimat cermat berbelanja menyambut lebaran sebagai menginsafi dugaan yang melanda ketika ini.

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam